

▼21/12/18-19MST

CNS4506

U GB 21-12 00180 BA466

aab

Mahathir - Pelabur

PELABUR AMERIKA SYARIKAT YAKIN TERHADAP IKLIM PELABURAN DI MALAYSIA

BUKIT MERTAJAM, 21 Dis (Bernama) -- Pelabur-pelabur Amerika Syarikat yakin terhadap iklim pelaburan di Malaysia kerana negara ini mempunyai dua aset terbesar -- kestabilan politik dan ketetapan polisi kerajaan -- yang menjadi faktor berharga kepada komuniti perniagaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa pada tahun lepas, 41 projek pelaburan Amerika Syarikat dalam bidang pengeluaran diluluskan dengan cadangan modal pelaburan berjumlah RM3,300 juta (US\$1.28 billion) telah dipersetujui.

Bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini, 22 projek yang persetujui oleh Amerika Syarikat telah diluluskan dengan modal pelaburan bernilai RM1,680 juta (US\$652 juta), katanya.

Projek itu merangkumi 18.5 peratus daripada cadangan keseluruhan pelaburan asing pada tahun lepas, kata beliau ketika berucap merasmikan Otis Manufacturing Company Sdn Bhd di sini hari ini.

Otis Manufacturing, anak syarikat Otis Elevator Company, dari Amerika Syarikat merupakan kilang pengeluar lif dengan pelaburan kira-kira RM60 juta yang beroperasi di kawasan seluas 18.6 hektar di Taman Perindustrian Bukit Tengah. -- Lagi.

▼21/12/17-25MST

CNS4582

R GB 21-12 00198 BA470

bah

Mahathir - Pelabur 2 Bukit Mertajam

Dr Mahathir berkata, projek-projek itu berjumlah 27.7 peratus daripada cadangan pelaburan asing RM6,070 juta bagi keseluruhan projek yang diluluskan pada jangka masa yang sama, menjadikan Amerika Syarikat pelabur asing terbesar di Malaysia pada tahun ini, diikuti oleh Jepun (RM1,500 juta), Taiwan (RM836 juta) dan Britain (RM467 juta).

Beliau berkata, pada tahun lepas, eksport negara ke Amerika Syarikat meningkat sebanyak 34 peratus dengan jumlah RM20,450 juta (US\$8,180 juta).

Beliau turut mengalu-alukan lebih banyak pelabur dari negara itu melabur di negara ini kerana iklim pelaburan negara yang semakin baik ekoran pengurangan cukai korporat daripada 34 peratus kepada 32 peratus mulai tahun depan. Ia akan dikurangkan lagi kepada 30 peratus pada 1995.

Perdana Menteri berkata, selain itu cukai pendapatan syarikat turut setanding dengan negara-negara jiran.

Belanjawan 1994 juga mengumumkan beberapa insentif baru kepada industri berteknologi tinggi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang seterusnya menggalakkan lebih banyak pelaburan asing secara langsung.

"Pada masa yang sama, perindustrian yang sedia ada turut digalakkan memperluaskan operasi manakala perusahaan pengeluaran yang baru digalakkan menempatkan operasi di negeri-negeri pantai timur, Sabah dan Sarawak," kata beliau. -- Lagi.

▼21/12/18-08MST

CNS4597

R GB 21-12 00173 BA471

bah

Mahathir - Pelabur 3 (Akhir) Bukit Mertajam

Beliau juga berkata, kecenderungan dalam pelaburan bukan sekadar bagi projek baru, kerana daripada 22 projek yang dipersetujui, lapan diluluskan untuk pertambahan pengeluaran atau mempelbagaikan pengeluaran barangan yang sedia ada.

Beliau berkata, Malaysia tidak seharusnya berpuas hati dengan pencapaian itu tetapi perlu bekerja keras untuk menghadapi cabaran masa hadapan dan mengatasi beberapa kelemahan asas seperti tahap produktiviti.

"Selain itu, cabaran dalam mempromosikan pelaburan semakin sukar kerana Malaysia perlu bersaing dengan negara kurang maju dan negara perindustrian baru serta negara membangun yang mengambil langkah-langkah bagi mengekalkan pelabur di negara masing-masing," kata beliau.

Oleh itu keutamaan perlu diberikan kepada nilai tambah yang lebih tinggi, intensif modal dan industri berteknologi tinggi yang akan membantu menguatkan perhubungan perindustrian dan menentukan Malaysia berkembang lebih pesat dalam bidang eksport, kata beliau.

Beliau berkata, pelabur juga menunjukkan kesediaan berinteraksi dengan komuniti industri di negara ini dan menjadikan Malaysia tempat operasi untuk memperbesar dan mempelbagaikan pengeluaran. -- Bernama

SA MOZ NMO

▼21/12/18-13MST